

17/09/2003

Dasar Dr M akan diterus

Hishamuddin Aun

BEIJING: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau tidak memperkenalkan dasar baru apabila mengambil alih kepemimpinan negara jika ia hanya bertujuan untuk mendapatkan nama.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan, dasar yang diperkenalkan sepanjang kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri akan terus dilaksanakan melainkan keadaan dan persekitaran menuntut ia dipinda.

Kepada satu soalan seorang wartawan Chicago Tribune pada sidang akhbar selepas pertemuannya dengan Presiden China, Hu Jintao, di sini semalam, mengenai apa yang boleh dijangkakan daripada beliau selepas mengambil alih kepemimpinan, Abdullah berkata:

"Masih terlalu awal untuk saya nyatakan apa yang mahu saya buat tetapi perlu diingatkan bahawa apa yang akan berlaku ialah pertukaran kepemimpinan dan bukan pertukaran rejim kerana Barisan Nasional (BN) akan terus menjadi parti yang memerintah.

"Saya tentunya tidak akan mengubah sebarang dasar hanya kerana saya mahu nama saya dikaitkan dengannya.

"Tetapi jika keadaan menuntut saya melakukan pengubahsuaian kepada dasar yang ada atau perlunya dasar lain diperkenalkan mengikut keperluan semasa, itulah yang akan dilakukan."

Timbalan Perdana Menteri berkata, dasar yang memakmur dan menstabilkan negara termasuk bersikap mesra perniagaan, menjadikan Malaysia sebuah negara perdagangan tulen, menggalakkan kedatangan pelabur asing dan mengukuhkan hubungan dua hala dengan negara lain, akan terus dilaksanakan.

Seiring dengan itu, katanya, kunjungan ke China kali ini amat penting bukan hanya untuk mempererat hubungan atau meningkatkan dagangan, malah bagi menyelami harapan dan aspirasi kepemimpinan negara itu.

"Ada banyak kelebihan untuk saya membuat lawatan ke sini sebelum mengambil alih kepemimpinan kerana dapat meninjau sendiri apa yang perlu dalam meningkatkan hubungan dengan China yang amat penting dari segi ekonomi selain strategik dari segi politik," katanya sambil menambah soalan mengenai bakal timbalannya akan terjawab apabila tiba masanya.

Abdullah juga berkata, pertemuannya dengan Hu memberi kesempatan kepada mereka untuk memperhalusi ruang kerjasama yang boleh dipertingkatkan, termasuk perdagangan dua hala.

Katanya, Hu bersependapat sasaran untuk meningkatkan dagangan Kuala Lumpur-Beijing kepada AS\$20 bilion (RM76 bilion) tahun depan, terutama melalui bidang bioteknologi dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), sebenarnya bukan di luar jangkauan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, keseluruhannya lawatan kali ini amat berjaya, termasuk hasil pertemuan dengan Perdana Menteri, Wen Jiabao; timbalannya, Huang Ju dan Pengerusi Kongres Kebangsaan Rakyat, Wu Bangguo, yang merintis jalan kepada hubungan lebih akrab di antara kedua-dua negara selepas ini.

"Ini amat bermakna kerana China kini semakin berkuasa dari segi ekonomi dan tentunya menjadi lebih penting dalam hubungan antarabangsa," katanya.